

3) PPR SEKSYEN 8 KOTA DAMANSARA

Adun : Y.B. Tuan Muhammad Izuan Bin Ahmad Kasim (Kota Damansara)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2025)

Sub soalan :

a) Berapakah unit yang masih kosong dan tidak di duduki di PPR Kota Damansara?

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah unit kosong yang telah dikenal pasti adalah sebanyak 78 unit melalui pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Perumahan Dan Hartanah Selangor (PHSSB) di PPR Kota Damansara sehingga Januari 2025. Berdasarkan pemeriksaan unit kosong terlibat, terdapat segelintir penyewa yang telah keluar daripada sewaan unit tanpa memaklumkan kepada pengurusan PHSSB dengan meninggalkan unit tersebut dalam keadaan rosak dan dipenuhi barang-barang terbuang serta berkeadaan kotor. Ini memerlukan kerja-kerja pembaikan yang besar atau '*major*' sebelum unit tersebut boleh disewakan kepada orang awam.

Melalui peruntukan tahun 2024, kerja-kerja baikpulih terhadap 23 unit telah dilaksanakan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada awal Mac 2025. Seterusnya, proses kemasukan bakal penyewa akan dibuat pada bulan yang sama iaitu Mac 2025. Manakala baki unit yang belum dibaik pulih akan dilaksanakan secara berperingkat bagi tahun 2025 atau tahun berikutnya.

b) Berapakah unit sewa atas sewa yang telah diberi notis keluar dan berapa yang telah dikeluarkan?

c) Berapakah jumlah unit yang telah dikenal pasti melakukan sewaan atas sewa di PPR Kata Damansara?

Soalan (b) dan (c) dijawab bersekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan pemutihan adalah operasi rutin dan senantiasia dijalankan secara berterusan oleh pihak PHSSB bagi membendung kegiatan aktiviti sewa atas sewa ('*sublet*') di PPR. Kerjasama daripada penduduk PPR sendiri adalah penting dalam melaporkan perkara tersebut kepada pihak Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) serta PHSSB bagi menangani isu '*sublet*' dan tindakan tegas akan diambil terhadap penyewa terlibat.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 20 unit kediaman di PPR Kota Damansara telah dikenal pasti melakukan kesalahan sewa atas sewa (*'sublet'*). Sehubungan itu, sebanyak 20 notis telah dikeluarkan kepada penyewa terlibat seperti berikut:

STATUS	JUMLAH
Telah keluar/mengosongkan unit	10
Pengakuan penama tinggal bersama dan pemantauan berterusan dibuat.	6
Masih gagal mengosongkan unit dan bekalan air juga telah di potong.	4
JUMLAH	20

